



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATO' HJ. ABD. AMIN BIN MOHD  
KASIM  
PELAKON, PENGARAH FILEM DAN USAHAWAN

OLEH:

NOR SYAZWANI AIDA BT CHE NOR SHAN	2019423974
SITI KAMALIAH BT MOHD GHAZALI	2019207916

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATO' HJ. ABD. AMIN BIN MOHD  
KASIM  
PELAKON, PENGARAH FILEM DAN USAHAWAN

OLEH:

NOR SYAZWANI AIDA BT CHE NOR SHAN

2019423974

SITI KAMALIAH BT MOHD GHAZALI

2019207916

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat nafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi baik sebelum mahu pun selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya pensyarah kami untuk Madam Nor Kamariah Chik bagi subjek IMR604 Pendokumentasian Lisan yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Disamping itu, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tokoh yang kami hormati, Dato' Hj. Abd. Amin Bin Mohd Kasim kerana kesudian beliau memberi kerjasama serta berkongsi ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami serta rakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan sepanjang proses dalam menghasilkan serta menyiapkan projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

## ABSTRAK

**Abstrak:** : *Temubual adalah antara tokoh iaitu Datuk Amin Khan dan pelajar iaitu Nor Syazwani Aida Binti Che Noor Shan dan Siti Kamaliah Binti Mohd Ghazali untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan seorang tokoh dalam bidang seni lakonan tahun 70-an. Kajian ini menceritakan tentang latar belakang dan sejarah hidup tokoh seni yang merupakan seorang pengiat seni lakonan, pengarah dan penerbit. Beliau juga sekarang menjalankan perniagaan roti canai yang terletak di Taman Indah, Sikamat, Seremban. Kajian lisan ini dijalankan bertujuan untuk mendokumentasikan kisah hidup dan pengalaman seorang tokoh seni lakonan, pencapaian, dan pendapat beliau mengenai bidang lakonan pada zaman sekarang kerana lakonan zaman dulu dan sekarang cukup berbeza dari segi skrip, penampilan, pelakon dan juga bayaran. Selain itu, sedikit perkongsian pendapat serta harapan kepada anak-anak muda yang berminat untuk menceburi diri dalam bidang seni lakonan ini supaya menjadi pembakar semangat kepada mereka.*

**Kata kunci:** *Datuk Amin Khan, sejarah lisan, temubual, seni lakonan, tokoh, pelajar*

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	10
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	13
Rujukan.....	27
Lampiran	
Log Wawancara.....	29
Diari Kajian.....	31
Senarai soalan.....	32
Surat Perjanjian.....	38
Gambar.....	39
Indeks.....	40

# **ABSTRAK**



# **BIODATA TOKOH**

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA RINGKAS DATO' HJ. ABD. AMIN BIN MOHD KASIM PELAKON, PENGARAH FILEM DAN USAHAWAN**



NAMA PENUH	DATO' HJ. ABD. AMIN BIN MOHD KASIM
NAMA SAMARAN	DATO' HJ. AMIN KHAN
TARIKH LAHIR	18.08.1955
TEMPAT LAHIR	KG, PANDAK PUTEH, KUALA KURAU.PERAK
UMUR	66 TAHUN
ALAMAT TERKINI	TAMAN INDAH, SIKAMAT, SEREMBAN
KERJAYA	PELAKON, PENERBIT, PENGARAH FILEM DAN USAHAWAN

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang latar belakang seniman agong yang memfokuskan kepada artis veteran iaitu Dato' Amin Khan yang merupakan seorang pengkarya yang hebat dalam seni filem tanah air. Kajian tentang artis veteran ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada generasi muda tentang jasa dan sumbangan Dato' Amin Khan dalam seni tanah air yang mana Dato Amin Khan juga merupakan pengarah, penerbit dan juga pelakon dalam drama-drama tanah air. Filem adalah satu media yang popular di negara ini. Pada awalnya, industri filem tidak berkembang sebagai satu industri yang besar. Industri filem Melayu mula menampakkan tanda perkembangan pada tahun 1960-an. Sejarah pembikinan filem berasal dari penemuan konsep imej bergerak didahului oleh seorang jurugambar British, Eadweard Muybridge. Pada tahun 1887, beliau telah berjaya merakam gambar siri kuda yang sedang berlari. Di Malaysia industri filem diimport dari Hollywood, Hong Kong, India, Indonesia dan negara-negara lain. Buktinya dalam tahun 70-an, setiap tahun lebih kurang 2,000 buah filem telah diimport ke negara ini. Dalam membincangkan definisi filem, ia mempunyai dimensi pentakrifan dan ruang lingkup kontekstual yang luas. Banyak pengertian tentang filem telah diberikan. Ini kerana filem ialah sebuah wahana kreatif yang bersifat perbincangan serta melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai-bagai kemahiran dan kepakara

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang seniman agong yang memfokuskan kepada artis veteran iaitu Dato Amin Khan yang merupakan seorang pengkarya yang hebat dalam seni filem tanah air. Kajian tentang artis veteran ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada generasi muda tentang jasa dan sumbangan Dato' Amin Khan dalam seni tanah air yang mana Dato' Amin Khan juga merupakan pengarah, penerbit dan juga pelakon dalam drama-drama tanah air. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

NSA: Nor Syazwani Aida Binti Che Noor Shan

SK: Siti Kamaliah Binti Mohd Ghazali

DA: Dato' Hj. Abd. Amin Bin Mohd Kasim

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NSA : Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera, berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang perfileman dan dalam bidang perniagaan. Rakaman ini dijalankan pada 13 November 2021 bersamaan dengan hari sabtu pukul *tiga* [3] petang melalui aplikasi Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh saya Nor Syazwani Aida Binti Che Noor Shan dan juga pasangan saya Siti Kamaliah Binti Mohd Ghazali yang**

merupakan pelajar ijazah sarjana muda pengurusan maklumat dari universiti teknologi mara cawangan kelantan kampus machang. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan. Baiklah temubual ini akan dimulakan dengan saya nak tanya dato' tentang latar belakang peribadi. Boleh dato' cerita sedikit latar belakang dato'?

DA : Bagaimana mula- mula terlibat dalam bidang – peribadi la.

NSA : Saya nak tahu negeri kelahiran dato'? dan ya latar belakang peribadi.

DA : Okay bismillahiramanirahim pada dasarnya pada mula-mulanya saya bukan lah seorang pelakon bukan-bukan saya daripada muda lagi tahun 70 an [1970 an] saya adalah seorang penulis drama radio. Jadi daripada situ lah datang timbul nya minat saya untuk berlakon apabila melihat di kampung-kampung dulu. Kalau lah Syazwani ingat lah belum lahir lagi tahun 70 an, 60 an kita orang dipanggil sandiwara “ *bila ada orang panggil kita orang berlakon diorang kumpul-kumpul orang-orang kampung buat satu pementasan*”. Jadi kita selalu lah tengok bila ada kenduri ke bila ada festa 31 Ogos ke diorang buat satu persembahan drama masa itu dipanggil drama pentas ataupun sandiwara orang sebut macam *tu* [itu]. Jadi di situ minat saya timbul saya tengok diorang berlakon kalau lah aku dapat macam berlakon sama diorang ni alangkah baiknya. *Tapi* [tetapi] pada peringkat asalnya saya adalah penulis drama radio Ipoh dengan radio *Pulau Pinang* – masa *tu* [itu] umur dalam 15 ke 16 macam *tu* [itu] saya dah menulis saya masih belajar menulis menulis drama radio. Saya menulis drama radio kemudian saya ada kursus pada tahun 80 an drama *tv* [televisyen] nanti saya cerita kemudian. Drama radio dulu saya belajar teater berlakon drama pentas dalam tahun 70 an. Bila belajar “kalau

syazwani ingat zaman dulu ada seorang pengarah nama dia *Syarif Khan* dia adalah sekampung dengan saya jadi dia bila balik sebulan sekali dia dari Kuala Lumpur balik ke Kuala Kurau tu diorang tengok kami berlatih bersama diorang datang tolong bantu-bantu macam mana teknik-teknik yang betul, *lepas tu* [selepas itu] ada lagi lah *dua* [2] *tiga* [3] orang yang bantu macam *Cikgu Megat Sabu Bahari* dulu dia dah meninggal dah Syarif Khan pun dah meninggal dah jadi diorang *ni* [ini] lah yang bantu kita untuk buat drama pentas sampai lah dalam tahun 73 [1973] disamping saya menulis, buat drama pentas, buat itu dulu kalau kita ingat ada satu [1] kementerian [Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan] kalau syazwani ingat siti kamaliah ingat. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan masa *tu* [itu] masa tahun 70 an sekarang ni tak ada dah sekarang ni kementerian kebudayaan apa *tak* [tidak] *tau* [tahu] lah dia sebut lain kan kalau dulu tiap-tiap tahun ada pertandingan drama. Kita ni daripada *Kerian*, daripada *Kuala Kurau*, *Baik Buntal*, *Bangsar* adalah daerah *Kerian – Taiping* kita pergi bertanding dekat *Ipoh*. Apabila bertanding dekat ipoh tu dah habis pertandingan *tak* [tidak] menang pun diorang bertanding drama-drama kampung kan (ketawa) diorang tengok masih duk dibawah yang kalau dapat MPSI (Maktab Perguruan Sutan Idris) ataupun onimuraza dekat ipoh diorang teror- teror buat drama kita ni drama tak sehebat mana masuk. Tapi dalam banyak-banyak pementasan tu dia pilih siapa yang berbakat siapa yang ada bakat nampak cemerlang untuk pergi ke hadapan. Jadi saya dalam drama itu “Warisan Tualang Tiga” saya ingat lagi yang saya tulis dan saya berlakon saya arahkan sendiri. Saya dipilih untuk kursus intensif dekat ipoh selama lebih kurang dua minggu dibawah pimpinan



Onimuraza di ipoh. Masa tu start lah kita belajar teknik-teknik yang betul macam mana di teater. Selepas berlakon teater tu saya menulis juga lagi saya buat wartawan sambilan dengan Bintang Timur dekat Pulau Pinang. Menulis dekat Berita Harian saya menulis daripada sana, saya menulis drama radio dan saya menulis drama TV. Kemudian dalam tahun 70 an juga 75 an [1975 an] macam itu 76 an [1976 an]saya pergi berkhidmat dengan tentera nak masuk tentera – pergi dah kat PD apa semua dah siap *dah* [sudah] *tapi* [tetapi] saya – minat-minat tapi teringat latihan-latihan -- dengan kawan-kawan hari itu langsung saya dekat *sepuluh* [10] hari saya cakap saya *tak* [tidak] minat *dah* [sudah] jadi tentera saya nak balik dah tolong lah saya nak balik jadi pegawai tu lepaskan saya pun balik ke Kuala Kulau. Saya mula lah bapak saya *ni* [ini] meniaga walaupun duduk di kawasan Kuala Kurau itu adalah kawasan sawah padi dan nelayan. Kebanyakan – penduduk situ bekerja nelayan dan – petani. Saya saja dengan bapak saya seorang Indian muslim (mamak lah) dari keturunan asal yang berasal daripada india – keturunan saya lah (mamak melayu) jadi dia meniaga – kedai nasi. Saya balik tolong balik sambil saya menulis drama itu ini buat drama pentas balik apa semua, lepastu tak jadi askar okay *stop!* [berhenti] sampai situ. Kemudian ppada tahun 80 an [1980 an] 27—*sembilan* [9] saya bekerja di Hospital Tapah ( Hospital Tapah) sebagai – tukang kebun sebenarnya -- (tersenyum) – Cuma *tak* [tidak] jadi *attendant* [pembantu] apa semua bawa sijil kita semua, bawak [bawa] sijil SPM tapi depa [mereka] kata *tak* [tidak] terima jadi *bawak* [bawa] sijil SAE *tu* [itu] *mintak* [minta] lah jadi *attendant* [pembantu] lagi saya *mintak* [minta] lah tukang kebun – saya *bawak* [bawa] punya, saya bawa darjah punya – dengan –

tingkatan *tiga* [3] *tu* [itu] – jadi saya bekerja tukang kebun *dua* [2] ke *tiga* [3] bulan macam *tu* [itu]. Oleh kerana, saya bergiat menulis drama diorang dengar dekat radio -- Amin Khan, Tapah, Perak jadi diorang mencari hospital tapah, perak siapa? Budak ini – saya manusia yang menulis drama *tu* [itu] – dia *tak* [tidak] bagi lagi jadi tukang kebun (semua tolak mesin) ( bunyi mesin) – tak [tidak] payah diorang bagi saya jadi kerani *kat* [dekat] atas pejabat. Tugas saya *type* [menaip] dulu kita menaip– kan baucer-baucer -- orang nak [hendak] *claim* [menuntut] slip gaji—kita buat itu lah, dia *duk* [duduk] ajar *pelan-pelan* [perlahan-perlahan], lepastu dalam tahun *lapan* [8] -- *tujuh sembilan* [79] macam *tu* [itu], hujung tahun saya berhenti. Bukan berhenti apa saya – masuk balik – (tersenyum) masuk balik tentera – kerja balik tahun *80 an* [1980 an]- saya masuk tentera balik dulu saya berheti saya tak [tidak] nak jadi tentera – saya kerja balik dapat gaji-masa *tu* [itu] saya jadi tukang kebun saya dapat seratus sepuluh [RM110] je gaji dia – gaji tentera saya dapat gaji tiga ratus lima puluh [RM 350] – banyak gaji dia *tu* [itu] – saya *kija* [kerja] balik dekat tentera tapi tidak *training* [latihan] dekat PD tapi saya berkursus selama *enam* [6] bulan *training* [latihan] tentera di *dua belas* [12] melayu di raja di Sungai – *camp* [kempen] – tahun *lapan puluh* [80] okay. Disamping itu, saya menulis *jugak* [juga] drama radio, drama tv - apa semua *tu* [itu] hantar dekat RTM – saya habis kursus tahun *80 an* [1980 an] saya bertukar jadi sabar – balik-balik apa semua (tersenyum) saya berhenti lima [5] tahun saja saya bertugas – tahun [1985] *tiga puluh satu* [31] bulan *tiga* [3] tahun 1985 saya berhenti menjadi tentera saya – berhenti di atas dasar kebajikan masyarakat – lepas berhenti saya pun balik ke kampung saya tidak ada karja lain

lagi saya meniaga balik – meniaga balik saya *buat* [membuat] roti canai – saya boleh *buat* [membuat] roti canai macam datuk Ayob Khan *jugak* [juga] boleh *buat* [membuat] roti canai – *Johor* tu kan. Saya boleh *buat* roti canai, saya boleh *buat* nasi – saya meniaga balik la. Disamping *tu* [itu] yang tadi saya sebut ada seorang pengarah nama dia syarif khan (angguk kepala) tadi saya ada sebutkan “ syarif khan masa *tu* [itu] tahun lapan puluh enam [86] – tv *tiga* [3] baru *bukak* [buka] ingat *tak* [tidak] baru beroperasi jadi – diorang beroperasi dekat [johor] buat drama, telemovie *ni* [ini] setiap bulan *tiga* [tiga] gambar melayu satu [1] gambar daripada johor, kalau ingat “ *Pyramid Home video*” ini mengeluarkan mengeluarkan setiap bulan dia *memproduce* [ mengeluarkan] satu [1] drama-satu [1] drama untuk – dekat tv *tiga* [3] di situ saya meniaga pun tidak berapa – minat kerja kat sini --- tawaran syarif khan *tu* [itu] dia balik kampung ‘ kau nak tak kerja dekat pyramid home video’ gaji murah *je* [ sahaja] dalam *lima ratus* [RM500] . Aku askar dulu gaji *tiga ratus lima puluh* [RM350] *je* [sahaja] sekarang *lima ratus* [RM500] makan, tidur semua diorang bagi, jadi saya – hantar resume dekat dia dalam seminggu *tu* [itu] dia panggil datang dekat johor untu buat screen test dengan interview. Saya datang dekat johor – lepastu di interview oleh – kalau syazwani ingat buka balik cerita ‘*Nur Islam, Sultan Mahmud Mankat Dijulang*’ pengarahnya adalah ‘*KM Busker*’ – nama pengarah india itu. Jadi dia lah yang interview saya – untuk bekerja dekat situ. Jadi dapat lah saya sebagai penolong pengarah dengan penulis skrip , disitu lah saya mula berlakon drama tv [televisyen] -- drama tv [televisyen] lah – *satu* [1] pelakon daripada Kuala laumpur *tak* [tidak] dapat hadir kan diri ataupun dia *demand-demand* [pemintaan-

permintaan] mahal sangat saya lah yang kerja dekat situ, jadi dia terus angkat saya sebagai pelakon dia kata okay ‘*why not we try this guy*’ dia kata ‘*why not try this man*’ untuk watak itu (arwah hasyim) – *Kuala Lumpur* dia tak dapat datang. Masa tu [itu] *Andi Lala*, arwah *hasyim*, *Erma Fatima* — berlakon dekat johor. Jadi (arwah hasyim) *tak* [tidak] dapat datang – nak syutingnya lusa—jadi saya terpaksa ambil alih, skrip saya – *assistant* [pembantu] jadi orang lain lah, saya berlakon di situlah saya mula berlakon drama tv di ‘*Pyramid Home Video*’— menulis *tu* [itu] banyak lah kan – *start* [mula] daripada situ saya bekerja lah sebagai *translator* [penterjemah] tengok drama tamil saya ubah kan drama tamil ini jadi drama melayu la, diorang suruh ini lah semua saya buat – selepas itu tahun *lapan puluh sembilan* [89] *lapan puluh lapan* [88] begitu pindah kat kuala lumpur jadi diorang – setakat ni beroperasi di kuala lumpur yang dekat johor tu sebagai anak syarikat sahaja yang dekat kuala lumpur kita aktif lah saya belajar – mengarah dengan *Pak Omar Rojik* kalau ingat lah pak omar rojik (angguk kepala) yang mengarah filem-filem melayu dulu [dahulu] (tersenyum) – nanti *bukak* [buka] google dapat (Omar Rojik) – lepastu *M. Amin* yang banyak mengarah filem- filem melayu ingat tak.

**NSA : Tahun bila tu [itu] dato’?**

DA : Tahun bila apa?

**NSA : Yang pelakon- palakon itu semua sebab saya lahir tahun 1999 ni kebanyakan tak kenal (ketawa).**

DA : Kalau bukak google ada cerita melayu ada M. Amin pengarah dia S.kadarisman, Omar Rojik, S. Sudarmaji itu tahun *60 an* [1960 an], *70 an* [1970 an]. Saya

belajar banyak dekat Omar Rojik pengarah lama dulu [dahulu] kemudian saya belajar lagi dekat M. Amin, saya belajar lagi dekat – Allahyarham— Arif Syah belajar-belajar ilmu-ilmu tidak-tidak sekolah (geleng kepala) tidak pergi sekolah formal sebagai sekolah -- macam sekarang *ni* [ini] Aswara lah, apa lah UiTM ada wujudkan – bidang tu kan. Masa saya tidak kami belajar daripada latihan-latihan – dekat lokasi – dekat padang lah kita panggil dekat situ lah kita belajar begini-begini sampai lah kita boleh buat formula kita sendiri janji – kita tahu se-----ce dia, kita tahu kamera macam mana – itu macam mana – *lighting* [cahaya] macam mana, jadi kita tahu segalanya tapi bila kita nak mengarah kita ikut cara kita sendiri. Kita *tak* [tidak] ikut *approach* [pendekatan] diorang ajar itu tapi dia punya konsep kita kena pegang sendiri. Belajar tu belajar [okay] sampailah saya buat filem berhenti daripada [pyramid] buat filem – lepastu berlakon, filem, mengarah, filem, tulis skrip dalam tahun 1993 ke 1994 macam tu saya *bukak* [buka] syarikat saya sendiri [Minjan Production] – itu je [sahaja] – [Minjan Production] saya tidak ada *Sdn.Bhd* [Sendirian Berhad] lagi, *sembilan puluh enam* [96] saya tukar kepada [Minjan Production Sdn.Bhd] sehingga lah sekarang – lepastu sekarang saya ada syarikat sendiri. Saya masih aktif jika orang panggil berlakon, saya mah menulis skrip, saya masih mengarah kalau diminta untuk mengarah. Tapi banayak *rilex* [berehat] lah buat masa sekarang. Itulah cerita ringkas saya -- panjang kan (ketawa). [okay] ada apa-apa soalan

**NSA : Saya rasa macam wow menarik hidup dato'. Masuk tentera keluar balik lepastu masuk balik (ketawa menutup mulut.**

**DA : Masuk balik.**

NSA : (ketawa)

DA : Yang pertama *tu* [itu] *tak* [tidak] sempat *training* [latihan] pun sepuluh [10] hari itu kita nak *test* [ujian] fizikal kita, tinggi kita – kesihatan kita, darah itu ini, *test* [ujian] lari kita semua [okay] dah lulus *tu* [itu] baru kita semua – baru lah rambut kita yang rambut panjang itu dia potong pendek- *sign* [tanda tangan] tu – bila dah *sign* [tanda tangan] tu tak [tidak] payah balik lagi. Tapi ketika *tu* [itu] saya masih dalam fizikal (dalam latihan itu latihan ini) lulus-lulus tak ada masalah – kesihatan baik tapi tak [tidak] minat *mintak* [minta] merayu-rayu menangis-nangis nak balik tak nak ingat kawan-kawan dekat drama (minat sangat pasal drama *ni* [ini]).

NSA : (ketawa)

DA : Lepastu yang *lapan* [8], *sembilan puluh tujuh* [87], *lapan puluh sembilan* [89] tu – masuk tentera *tu* [itu] -- memang kita pandang gaji – tu memaang banyak gaji aku – terus sambung – konsep sama *jugak* [juga] pergi itu ini apa *tu* [itu] semua, buat latihan apa itu semua, lari [okay] apa semua [okay] – dah lulus [okay] baru dia panggil, kumpul-kumpul baru depa [mereka] potong rambut. Petang *tu* [itu] lah kita nangis rambut yang panjang (ketawa) lawa-lawa kena potong pendek botak habis semua. Itu yang *sign* [tanda tangan] *sepuluh* [10] dari kita -- kita *sign* [tanda tangan] situ adalah untuk *dua puluh satu* [21] tahun untuk berkhidmat tidak boleh berhenti – cop merah tau [tahu] tangan *ni* [ini] merah- merah semua tapi ada cara boleh berhenti sama *jugak* [juga] tentera pun saya – kerja – tentera banyak bidang kan – bila habis *training* [latihan] *tak* [tidak] sampai seminggu saya di----- (orang yang pergi perang itu) anggota-anggota yang perang itu kita panggil jadi

re----man (barisan hadapan) saya dipanggil oleh *Chief clerk* [ketua kerani] untuk menjadi kerani *jugak* [juga] saya *tak* [tidak] lari daripada jadi kerani. Dulu saya belajar dekat tapah – dua [2] bulan saja [sahaja] saya kerja sebagai buruh am *ni* [ini] – dia panggil untuk jadi kerani, askar pun macam tu *jugak* [juga]—saya tak [tidak] masuk hutan – pergi dekat lapang tempat berkumpul yang pergi ke hutang orang lain – itu sahaja tapi tanggungjawab kerani itu lagi – lebih berat daripada re----man pergi perang *je* [sahaja] dengan komunis tahun *80 an* [198 an] komunis masih ada lapan puluh enam [86] komunis *dah* [sudah] serah diri *dah* [sudah] letak senjata – yang *uncle* [pak cik] berhenti pad tahun *lapan puluh lima* [85] setahun lepastu komunis semua letak serah diri. Itu lah kejadiannya. Apa lagi soalan nak tanya.

## TAMAT BAHAGIAN 1

### BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

**NSA : Soalan seterusnya saya nak dato' ceritakan pasal latar belakang pendidikan dato' daripada sekolah rendah sampai dato' sambung belajar ke pengajian tinggi ke?**

**DA : *Tak* [tidak] tinggi semua *MCE* [Malaysian Certificate Education] je [sahaja] tak tinggi (geleng kepala).**

***MCE tu* [itu] apa?**

**NSA :**

**DA : *Malaysian Certificate Education* macam SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] itu.**

- NSA : (angguk-angguk) macam SPM.
- DA : (angguk- angguk) , macam *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] MCE bahasa inggeris [Malaysian Certificate Education] LCE (Lower Certificate Education). Saya lagi menarik kalau nak cerita pasal pelajaran [okay]. Saya bersekolah tamil darjah *satu* [1] sampai darjah *enam* [6] boleh baca tamil tapi *dah* [sudah] lama *tak* [tidak] *practice* [latihan] (bunyi bising). Sampai sekarang saya boleh baca tapi kadang-kadang lambat macam kita baca *Al-Quran* lah lambat *je* [sahaja] hendak mengenal huruf yang berputar-putar *tu* [itu] (tunjuk jari berputar-putar). Saya bersekolah dari darjah *satu* [1] sampai darjah *empat* [4] (ketawa). Saya berhenti sekolah setahun darjah *lima* [5] saya *takde* [tiada] saya *tak* [tidak] sekolah darjah *lima* [5] tapi masa darjah *lima* [5] *ni* [ini] saya pergi belajar kedai india muslim (kedai mamak) *ni* [ini] dia *bukak* [buka] saya pergi meniaga lah meniaga, timbang barang, timbang – ini semua saya pandai. Saya sudah jemu disitu (macam tak seronok) disitu setahun *bapak* [bapa] saya *mintak* [minta] balik saya sekolah darjah *enam* [6]. *Mintak* [minta] dekat guru besar cakap masuk sekolah balik darjah *enam* [6]. Jadi *satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4] setahun darjah *lima* [5] tidak belajar darjah *enam* [6] saya masuk balik. Belajar. Habis darjah *enam* [6] saya masuk *remove class* [kelas peralihan] – bila kita daripada – sekolah india ke, sekolah jenis kebangsaan cina ke ataupun sekolah jenis kebangsaan melayu ke yang mana nak masuk english medium dia kena masuk *remove class* [kelas peralihan] setahun. Sekarang *tak* [tidak] tahu lah dulu ada. Jadi belajar kelas peralihan setahun. *Form one* [tingkatan 1] *form two* [tingkatan 2] -- *form two* [tingkatan 2] saya tak nak sekolah *dah* [sudah] saya



tidak mahu sekolah lagi saya berhenti *form two* [tingkatan 2] saya tidak ambik [ambil] *LCE* [Lower Certificated Education] dari *form two* [tingkatan 2] tu lah saya minta jadi tentera. Pada tahun 1979- 1980 an saya masuk dengan menggunakan sijil tingkatan *dua* [2]. Apabila saya dalam tentera kita semua – ada cikgu perpustakaan cikgu yang megajar – sampai *satu* [1] ketika pada tahun 1983-1984 kalau tak silap saya pun sudah lupa kita ada di tawarkan kepada tentera-tentera yang ingin belajar *tak* [tidak] *payah* [susah] ambik sijil SRP [Sijil Rendah Malaysia] dia ada *satu* [1] *paper* [kertas] julai *paper* [kertas] namanya kalau kita lulus julai *paper* [kertas] ini – *Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik* kita boleh terus duduk *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Boleh menduduki peperiksaan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Jadi saya dalam tentera barulah saya belajar *ambik* [ambil] julai *paper* [kertas] bersama-sama kawan-kawan yang sudah tua-tua dalam umur 32-35 tahun. Lulus barulah kami belajar dekat kelas tentera. Kita belajar di perpustakaan setiap hari -- petang -- sabtu ahad dan kita *ambik* [ambil] *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] . Itu lah perjalanan saya pelikan berhenti masuk berhenti masuk (senyum).

NSA : **(ketawa) saya sebenarnya pertama kali saya dengar daripada masuk sekolah berhenti tapi masuk balik.**

DA : Pelik kan (ketawa). Sekarang kalau berhenti tak boleh masuk balik *dah* [sudah] *dulu* [dahulu] tahun *60 an* [1960 an] cikgu pujuk anak murid datang lah belajar. Itu lah latar belakang saya ada apa-apa soalan lagi? Kamaliah ada apa-apa soalan?

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

**SK** : Bolehkah dato cerita kan pengalaman kerjaya dato' sebelum dan semasa sekarang (perniagaan) dato'?

**DA** : Dalam bidang perfileman. Macam saya cerita tadi bermula dengan 'Pyramid Home Video' tahun 1986 hujung la bulan *tujuh* [7] bulan *lapan* [8] macam *tu* [itu] saya tak *mau* [mahu] berniaga lagi. Itu lah sekolah saya yang sebenar-benarnya – sekolah filem saya yang sebenar-benarnya. Saya tidak ada masuk aswara, cuma ada kursus dekat pi--t – kursus dekat RTM – dekat ip—r untuk menambahkan pengetahuan tapi sebenar-benarnya 'Pyramid Home Video' itu lah sekolah saya belajar tentang perfileman bermula pada tahun 1986 sehingga lah sampai saya berhenti daripada *pyramid*. Saya membuat filem, mengarah, berlakon, menulis skrip dan sudah banyak saya mengarah-mengarah drama hampir 40 ke 50 drama, drama telemovie, drama bersiri sehinggalah sekarang saya masih lagi aktif.

**SK** : Bolehkah dato' ceritakan perniagaan roti canai dato' itu?

**DA** : Kedai roti canai saya tu. Pada tahun 1985 saya berhenti tentera bulan *tiga* [3] dan dalam bulan *empat* [4] atau bulan *lima* [5] begitu saya mula berniaga di sebuah gerai di *Kuala Kurau*. Saya pasal *ni* [ini] nak cerita macam mana.....(teragak-agak). Oleh kerana, kita berniaga terlampau laku (tersenyum) saya *tak* [tidak] nak berniaga.

**SK** : (ketawa)

**DA** : *Heran* [hairan] kan. Oleh kerana, terlampau laku orang meniaga, orang suka bila laku macam mana nak – suka lah laku berniaga kita tapi saya terlampau laku saya

*tak* [tidak] nak berniaga. Oleh kerana, orang melayu kita *ni* [ini] - - *sorry* [maaf] bercakap pasal mistik sikit – oleh kerana orang melayu kita ini pandai kan menjahanam kan perniagaan orang melayu (itu orang melayu kita) cukup pandai macam mana nak buat - - perniagaan orang yang laku itu supaya tidak laku, jadi kalau-kalau percaya – percaya lah – kalau tak percaya tak percaya lah - saya tidak percaya pada peringkat awalnya tapi apabila terkena kepada saya, saya percaya. Macam mana saya percaya kerana datangnya orang berhenti di depan gerai saya dia nampak gerai saya tidak *bukak* [buka], besok dia datang lagi berhenti dekat gerai saya dia kata gerai saya tak *bukak* [buka] sedangkan saya ada dekat dalam gerai – besok datang lagi dia geleng kepala dia *pi* [pergi] begitu *saja* [sahaja] sebab gerai tak *bukak* [buka]. Saya kata ini mesti aku *dah* [sudah] kena *ni* [ini] – aku *dah* [sudah] dibuat oleh orang, maka saya pergi lah mencari apa-apa yang orang buat dekat kita ini supaya nak kurang balik, tapi saya *satu* [1] hari saya buat roti canai lebih kurang *seratus lima puluh* [150] ke *dua ratus lima puluh* [250] keping – masa tu [itu] tiga puluh sen [0.30 sen] sekarang *seringggit* [RM1.00] saya kata betul ke ada orang buat aku – betul ke orang kenakan gerai aku tapi takpe lah aku buat *lima puluh* [50] biji sudah lah kan nanti hari-hari buat seratus keping lebih lakunya *lima puluh* [50] biji, *enam puluh* [60] biji jadi aku buat dalam *lima puluh* [50] biji cukup lah - - setelah tiga [3] hari saya jadi begitu saya mencari ubat – saya pun *ambik* [ambil] air percik-percik diorang bagi - - saya buat dalam *lima puluh* [50] ke *enam puluh* [60] keping sudah lah – hari-hari saya meniaga 50 ke 60 keping tu dalam pukul 11 baru nak habis orang tak datang beli tapi hari yang saya buat percik-percik air itu tak sampai pukul *lapan* [8] dah habis – pukul *tujuh* [7]

*dah* [sudah] habis – *time* [masa] tu lah orang yang berhenti dia nampak gerai saya hitam tak ada orang itu dia masuk dalam gerai dia tanya kenapa kau tak berniaga kata nya empat lima hari aku datang kau *takde* [tiada] saya kata - - saya panggil orang itu nama dia *Pak teh* – saya kata ada pak teh lalu sahaja depan gerai saya pak teh berhenti, pak teh geleng kepala dan pergi. Sudah 3 ke 4 hari *hang* [awak] takde. Di situ lah saya yakin ada orang yang pandai buat *kat* [dekat] orang supaya perniagaan kita tak laku itu memang senjata orang melayu kita - orang cina diorang tak buat macam *tu* [itu] – *sorry* [maaf] lah cakap macam *tu* [itu] sebab saya *dah* [sudah] kena jadi saya *tak* [tidak] *tau* [tahu] nak cakap orang melayu memang pandai cari pasal supaya perniagaan seseorang itu – cukup bijak kita kalau boleh nak orang perniagaan baru melayu kita laku, bagus baru kita suka hati – itu lah sebab saya *fed up* [bosan] nak berniaga kerana itu lah saya berhenti lah – tutup lah gerai.

**NSA : Saya setuju dengan apa yang dato cakap sebentar tadi. Ya lah sebab bila perniagaan kita laku ada orang dengki kan sebab *family* [keluarga] saya pernah kena benda *tu* [itu]**

**DA : Ya betul, tapi jangan lah masuk kan dalm segmen benda tu [itu].**

**NSA : Jadi boleh dato' cerita apa-apa perubahan dalam bidang pekerjaan semasa dato' jadi pengarah filem dulu dengan sekarang jadi penebar roti canai ini?**

**DA : Ya lah berbeza lah dalam bidang *tu* [itu] tak sama tapi *dua* [2] bidang yang tak sama tapi kita jangan lupa pembuat roti canai *jugak* [juga] adalah orang seni – seni membuat roti canai (okay). Kita dalam bidang perfileman, bidang lakonan,**

penulisan dan pengarahannya – walaupun kita sebut dalam *satu* [1] skop yang sama tapi bidangnya berbeza pengarah dengan cara pengarah, penulis skrip dengan prinsip penulis skripnya dan pelakon dengan lakonannya - - dalam bentuk skop yang sama seni. Berbeza dia yang roti canai tadi dia pun seni *jugak* [juga] seni membuat roti canai kan. Kalau dia tak orang *tu* [itu] takde seni dia lipat roti canai pun tak [tidak] betul - - dia lipat roti canai pun tak cantik jadi keras, jadi kita beli dengan diorang dalam setengah jam ke sejam roti canai sudah jadi keras (ada terima macam tu tak) tapi roti canai saya kalau buat balik pagi dekat rumah simpan sampai petang lembut itu lah seni saya jadi - seni kita melenggan roti canai itu. Sebab itu muda- muda boleh tapi sudah tua ni tidak boleh *dah* [sudah] – ada gaya ia lenggan macam itu – seni lah *tu* [itu] – kalau tidak seni dia tak boleh la buat macam itu – cara lipat - - dia kalau tak bagi koyak garam dia lebih sikit masa lenggan - - tapi kalau taruh gula lebih jadi dia hangit - - letak atas kualiti tiba- tiba - - cepat hitamnya tu gula lebih - - kalau *taruh* [letak] susu lebih dia jadi lemak *sikit* [sedikit] kita nak seimbang semua benda itu – kemudian bila kita sudah lenggan kita lipat itu ada cara kita mahu melipat supaya roti itu lembut – roti itu tak bertepung dekat tepi itu. Itulah perbezaan roti canai dengan perfileman tapi sudah lama tidak buat roti canai *tak* [tidak] *reti* [tahu] *dah* [sudah]. lahir di kampung *Pandak Puteh, Kuala Kurau Perak*. Adik-beradik saudara-mara yang minat dalam bidang ini.

**SK** : Boleh kalau dato hendak cerita.

**DA** : Saya ada *enam* [6] adik-beradik. Yang pertama perempuan, yang kedua

perempuan, yang ketiga pun perempuan, yang keempat saya, yang kelima perempuan dan yang keenam lelaki tapi yang sulong yang pertama dan kedua sudah meninggal, tinggal nombor *tiga* [3], nombor *empat* [4], saya, nombor lima [5] dan nombor *enam* [6], ada *empat* [4] orang lagi secara keseluruhan keluarga sayang perempuan ini tidak ada darah seni tapi mereka minatlah tengok drama-drama – tidak ada darah seni cuma adik saya yang *last* [akhir] sekali – yang cikgu pun sekarang *dah* [sudah] berhenti menjadi guru. Dia bidang dia menulis puisi dan *cerpen* [cerita pendek], kalau *search* [cari] dekat google - - *Mora Mk* [Mohd Razi Bin Mohd Kasim] dia *expert* [mahir] pasal menulis puisi dan juga *cerpen* [cerita pendek]. Saya tidak boleh menulis *cerpen* [cerita pendek] saya hanya menulis drama radio dan drama *tv* [televisyen], rencana dan puisi. Itu dia bidang saya.

**SK : Berapakah bilangan pekerja dato' dalam syarikat dato' sekarang?**

DA : Sekarang tak ada pekerja. Hari itu ada dalam empat [4] orang tapi selepas PKP dulu setahun tak ada lagi pekerja cuma ada nak sorang yang tolong itu pun saya kata cari kerja lain lah. Sebab kita pkp projek pun *tak ada* [tiada], kerja pun tak ada- jadi sekarang ini kita tak ada pekerja saya *sorang* [seorang] saja bekerja – saya sorang [seorang] saja lah yang mewakili syarikat – apa-apa pun saya *sorang* [seorang] sajalah yang pergi ke RTM – kita tidak mampu nak bayar- kita pun bukan syarikat yang besar – syarikatnya kecil

**SK : Dato' guna modal sendiri ke untuk buat perniagaan ini?**

DA : Ya modal sendiri tapi kalau kita tak ada modal kita *mintak* [minta] daripada dulu

daripada – modal dulu kita pinjam daripada bank pembangunan – sekarang ini pun ada bank pembangunan tapi dia tak ada lagi bagi pinjaman kepada skop bidang drama-drama kita – kemudian – selain daripada bank pembangunan, modal *kecik-kecik* [kecil-kecil] *tu* [itu] kita modal-modal sendiri sahaja - - contoh dekat MARA ada bagi pinjaman untuk ini – sekarang ini banyak ada *My kreatif* bagi pinjaman kita boleh buat permohonan.

**NSA** : **Tadi dato' ada cerita pasal adik-beradik dato' kan ada tak anak-anak dato' yang minat dalam kerjaya yang macam dato' ini, maksudnya yang ada minat dalam perfileman ini?**

**SK** : **Berkecimpung dalam bidang seni ini.**

**DA** : Ada-ada banyak dalam dua tiga orang. Semua – tapi diorang ini - - sebagai pelakon *saja* [sahaja] lah - - kalau dalam bidang pengarahna ini tidak ada - - pelakon pun dulu ada zaman HVD dekat *Cheras* – masa itu semua orang-orang RTM yang sudah berhenti itu pergi ke kerja dekat situ - - *Zul Yahya* orang drama pun kerja dekat situ. Jadi di situ lah kita *push* [tolak] diorang berlakon – yang nombor dua [2] *tu* [itu] kurang dia pergi ke kebudayaan (menari kebudayaan), yang sulong pergi berlakon tapi yang kedua boleh berlakon – masa saya mengarah saya ambil diorang berlakon, yang nombor *tiga* [3] *tak ada* [tiada] – lebih tumpu pada kerja tetap dia pun dah meninggal baru-baru ini bulan lima umur dalam *empat puluh satu* [41] tahun - kanser - - tapi yang nombor *last* [akhir] itu dia berlakon tapi dia bekerja tetap – diorang tak boleh nak *push* [tolak] diri-sendiri macam orang-orang lain- *Emma Maembong* - - pergi ke hadapan tak

boleh – kalau kita *tak* [tidak] *push* [tolak] diorang tak pandai hendak mencari nak berlakon macam mana. Cuma cucu seorang kalau ingat cerita *Afiq Dan Abah* di Astro Ria dulu.

**SK : Siapa nama cucu dato' itu?**

DA : Muhamad Rifqi Syah - kecik sahaja dulu- gigi pun tak ada – masa itu sekolah - - ada dalam *Youtube* mesti ada. Sekarang umur dia *dah* [sudah] *dua puluh dua* [22] tahun sudah tukar nama - - *search* [cari]dekat internet- nama dia tukar sudah – nama dia *Kidol* - - *Q.Q.I.D.D.O.L* - - sekarang ini dia tengah syuting - - *B.B.N.U.* (Budak-Budak Baru Nak Up) – sekarang dia tengah syuting tiga belas [13] episod tapi sudah habis – esok lusa habis - - adik dia pun kita nampak kita sebagai pengarah kita nampak bakat budak-budak ini bagus tapi peluang *je* [sahaja] yang tak ada tapi mungking selepas ini dia akan naik balik – dulu dia dalam *Afiq Dan Abah* pun dia *dah* [sudah] naik-naik dan *dah* [sudah] besar pun dia tumpu kepada pelajaran, sekarang sudah habis *dah* [sudah] kan – adik dia pun boleh berlakon bagus – kalau tengok hari itu tv hijrah ada satu cerita sebelum puasa dalm tv hujrah '*sebelum mata tertutup*' - adik dia berlakon *Rafif Syah* itupun bagus nampak ada kesungguhan diorang berlakon – itu sahaja lah yang lain-lain tak ada *dah* [sudah] berumur.

**SK : Adakah dato' ada kepakaran lain selain menebar roti canai?**

DA : *Tak* [tidak] ada – dulu ada lah saya berniaga dalam tahun 2017 sebab saya sudah *fed up* [bosan] dengan projek dapat satu-satu – cari dalam google ada orang yang *interview* [temubual] saya pasal buat roti canai sekejap sahaja tak lama buat roti canai itu. Kadang-kadang orang panggil berlakon saya pergi berlakon – *tak* [tidak]



ada berlakon saya buat kerja buat roti canai selepas saya berlakon – lama-lama pelanggan pun lari tapi bukan dekat kampung tapi dekat sini yang dekat *Seremban*. Sekarang tak ada dah, sekarang saya *rilex* [berehat] sahaja. Kalau ada orang panggil berlakon saya pergi lah.

**NSA : Semasa dato' ada bakat dalam bidang perfileman ini apa yang pencapaian tertinggi dato' pernah dapat maksudnya anugerah apa yang dato pernah dapat?**

DA : Dalam bidang perfileman – tak pernah dapat apa pun – cuma satu ketika dahulu – syarikat pun ada buat juga – saya buat dengan HVD - - 26 episod satu jam punya drama – nama cerita itu *Muslihat* – diorang hantar untuk bertanding di drama tv peringkat *ASLAN*. Maksudnya *Philippines, Malaysia, singapore, Indonesia* tapi dibuat di *Indonesia* tapi saya tak tahu perkembangan, kemudian baru saya tahu pihak tv cakap dekat saya nama abang terpilih dalm *top five* [lima teratas] untuk drama *muslihat* – tapi malangnya drama itu tak menang lah apa-apa tapi terpilih *top five* [lima teratas] sebagai pengarah. Tak ada pencapaian apa-apa selama 30 tahun saya terlibat dalam bidang ini sejak tahun 1986 sehingga lah sekarang.

**NSA : Siti ada soalan lagi.**

DA : Apa-apa tertinggal nanti boleh *whatsapp* saya. Boleh cakap guna voice note bagitau apa benda soalan itu.

**SK : Boleh dato' ceritakan pelakon sekarang dengan pelakon dahulu?**

DA : (ketawa). Saya ditengah-tengah *tau* [tahu] . kita ambik [ambik] tahun 50 an, 60 an tahun punya pelakon, saya terlibat dengan pelakon tahun 50 an, 60 an , misalnya saya terlibat dengan *Kus Wadinata, Ahmad B, Ed Osmera, Sani Abdullah* pada

tahun 60 an. Saya punya *turn* [giliran] samalah juga dengan *Jalaluddin Hassan*, saya dan lagi-lagi lah beberapa orang dan kita ambil petak yang tebaharu sekali. Ada tiga generasi, zaman saya dahulu pelakon-pelakon contoh *Kus Wadinata* tahun 60 an, 70 an punya pelakon diorang walaupun bayar murah tapi tak murah juga tapi pada tahun 80 an kita bayar dia seribu ke dua ribu, tak murah mahal sebenarnya tapi wang bukan lah menjadi satu fakta yang wajib pada diorang tapi wang mustahak pada diorang lah, berapa sahaja orang tawar kepada diorang akan *discuss* [bincang] *mintak* [minta] – diorang tak *demand* [permintaan] itu orang dahulu tahun 70 an degan tahun 80 an. Tahun saya sendiri pun tak *demanding* [menuntut] – kita tak kisah pun pasal bayaran – kita suka nak berlakon nak *improve* [meningkatkan] kita punya lakonan. Sampai peringkat ini wang adalah segala-galanya kepada pelakon-pelakon sekarang. Pelakon sekarang kalau kita dahulu berlakon *telemovie* jadi *hero* tahun 80 an, 90 an dan tahun 2000 berlakon telemovie paling-paling tinggi (jadi hero tua) dapat dalam RM5000-RM6000. Tapi pelakon sekarang hampir-hampir *dua belas ribu* [RM12000] satu telemovie. *Hero* ke *heroien* diorang *demanding* [menuntut] berlakonya *tak* [tidak] sampai - - sekarang telemovie cepat buat kalau *dulu* [dahulu] 12 hari, sekarang dalam 7 ke 8 hari *dah* [sudah] siap tapi *ambik* [ambil] sampai *dua belas ribu* [RM12000]. Pengarahnya *ambik* [ambil] cuma *lapan ribu* [RM8000]. Pengarah patutnya *ambik* [ambil] *dua belas ribu* [RM12000] pelakon patutnya *ambik* [ambil] *lapan ribu* [RM8000] sebab kita bekerja dalam satu telemovie – kita ada bajet adalah RM85,000 ke RM90,000 bajet. Artis utama, artis *extra* [pembantu], lokasi, makan minum, kamera kena bayar dan segala-galanya ada dalam bajet RM85,000 ke

RM90,000 itu. Jadi kita kena mencukupi bajet itu sebab kita jual dekat *station* [stesen] dia tak *ambik* [ambil] mahal, contoh kita buat sembilan puluh ribu [90 ribu] *station* [stesen] beli seratus sepuluh ribu atau seratus lima belas ribu baru dapat dua puluh lima ribu. Bukan kata hari ini kita hantar esok sudah lulus enam bulan baru nak dapat duit itu balik - - pelakon hanya berlakon seminggu bayar *fivety percent* [15%] dan dah habis berlakon bayar lagi *fivety percent* [15%] balik berlakon tempat lain lagi tapi yang menanggung akibatnya kita. Kalau ada masalah drama jadi tak betul teknikal salah, *sound* [bunyi] – suara tak dengar – kita nak *dubbing* [mengalih suara] macam mana - - kita boleh melebihi sembilan puluh ribu dan dalam ini lah kita nak bahagi-bahagi, jadi kalau artis utama sudah dua belas ribu yang macam kita ini (bapak-bapak) berapa nak bayar. Datang syuting enam hari ke tujuh hari, action [aksi] *pulak* [pula] itu, ego dan dengan artis lama-lama ini tak nak tegur – jadi itu lah cerita nya beza *attitudes* [keperibadian] pelakon *dulu* [dahulu] dengan pelakon sekarang amat-amat lah berbeza itu yang boleh saya cakap.

**SK** : Ada *sapa-sapa* [siapa-siapa] yang menjadi *role model* [contoh] dato' dalam menceburi bidang ini?

**DA** : Tak ada (geleng kepala) ia nya datang daripada diri sendiri dan timbul minat melihat sandiwara “ *kalaulah aku berlakon macam itu seronok juga kan boleh buat macam itu macam ini*”. Mula-mula sekali saya cakap yang saya tulis skrip itu pun saya dengar drama dan saya ingat lagi drama itu hasil karya *Mana Sikana*. Masa itu radio *singapore* dia *start* [mula] pukul 10 pagi sampai 11 pagi satu jam drama radio *singapore* sekarang tak ada *dah* [sudah]. Setiap pagi kita dengar karya

*Mana Sikana "kaca-kaca yang retak" - - tajuknya. Saya dengar drama tu [itu] ' kalau lah aku boleh menulis drama radio, aku ingin buat cerita ini-ini tapi tak tahu format macam mana aku nak buat drama radio, macam mana bentuk penulisan drama radio' maka saya beli dewan sastera. Tapi ada satu kawan persatuan kata " hang nak tulis drama ke dan dia bagi dewan sastera dia itu" dalam itu itu ada format bagaimana nak menulis drama radio dan drama pentas. Drama tv ada format dia dan seakan-akan drama pentas tapi format lain jugak [juga], filem sama dengan drama tv [televisyen], drama pentas lain dan drama radio juga lain format dia sebab hanya bercakap melalui suara pendengar akan mendengar suara pelakon. Penulisan drama tv pulak [pula] berbeza - - kerana penonton melihat berlakunya perkara itu.*

**SK : Bagaimanakah dato' bergiat aktif dalam bidang drama tanah air sehingga mampu sampai ke tahap sekarang?**

DA : Benda itu adalah satu cita-cita. Kita kena ada satu azam apabila kita membuat sesuatu, kita bermula - - saya menceburi bidang ini dengan menulis kemudian sebagai pelakon drama teater, drama pentas ini. Selepas itu, saya ingin menjadi pengarah itu semasa di pentas, semasa di kampung. Setelah kita bekerja di *pyramid home video* dekat johor. Saya bekerja sebagai penulis skrip dengan penolong pengarah, jadi apa tugas penolong pengarah saya tak tahu, tak *reti* [pandai]. Kita tak ada *knowledge* [pengetahuan] jadi ada orang yang bekerja dekat sana bantu sebagai pengarah saya harus pandai tulis *continuenity* [kesinambungan] - - selepas itu kita ada *ideologi* saya sendiri untuk *approach* [mendekati] drama kita supaya kita tak ikut cara dia tapi kita ikut cara yang lain, " *Hadiah untuk Ana* "

adalah *first* [pertama] drama saya tayang dekat RTM saya buat sendiri tanpa bantuan. Kedua drama yang saya buat "*liku-liku jalanan*" bersama dengan *Sharifah SA Production*. Selepas saya boleh mengarah ada keinginan untuk membuka syarikat sendiri. Kita ada satu cita-cita dan jangan hanya berlakon sahaja. Pelakon *dulu* [dahulu] begitu lah, mereka tak nak *improve* [meningkatkan] diri mereka. Kita kena ada cita-cita untuk memajukan kerjaya kita.

**SK : Terima kasih dato'. Adakah pengalaman manis yang dato' tidak boleh lupakan dalam mencebri bidang perfileman ini?**

**DA :** (ketawa) manis apa pahit ada. Pahit banyak manis kurang. Orang tipu kita tak bayar kita. Manis nya apabila sebuah drama yang kita buat iu siap senb kita terasa puas dengan apa yang kita buat tapi kalau kita melihat balik adakah yang saya buat ini kita puas hati. Adakah hasil karya yang kita buat itu saya puas. Kenangan manis ketika saya mengarah yang tak dapat saya lupakan adalah ketika saya mengarah drama "*mawar merah*" dengan SA Production. Saya mengarah dekat jalan cheras dekat satu hospital swasta - - yang masuk hospial adalah arwah *Rani Ismail*. Pada hari jumaat itu sya nak tayang dalam pukul satu [1] kita nak ambik [ambil] satu *shot* dekat luar hospital - - saya tak perasan ada *one way* [satu jalan] tapi rupanya ada *two way* [dua jalan] saya lintas sahaja jalan itu dan ada motor datang langgar saya tercalar dekat dahi (menunjuk dahi) jatuh, darah keluar banyak tapi *tak* [tidak] pingsan, ada orang angkat masuk hospital kena jahit. Yang kenangan manisnya pahitnya itu saya masuk hospital dan pelakon utama - - keluar hospital dan tak jadilah syuting. Selepas itu, saya megarah semula dengan sakit-sakit kepala, lebam-lebam dan lagilah tapi yang *syoknya* [seronoknya] ada satu

gerai ini saya pergi *ambik* [ambil] lauk selepas itu yang jual itu cakap '*baguslah make-up* [*riasan muka*], *real macam betul-betul orang insident* [*kemalangan*]' dia cakap, ada lagi kenangan-kenangan manis lagi.

**NSA : Saya rasa ini last [akhir] sebab dato sudah cover [cerita] banyak. Saya nak minta apa pandangan dato' tokoh dalam bidang perfileman ini kepada generasi muda sekarang yang menceburi bidang ini? Pesana dato'.**

DA : Pesanan saya begini lah, generasi muda ini harus melihat diri sendiri dahulu sebelum nak *demand* [permintaan] tinggi -tinggi sejauh mana kemampuan kita. Pelakon-pelakon sekarang ini kebanyakan tidak masuk kelas lakonan. Pelakon ini banyak benda yang harus kita pelajari. Kami yang tua-tuan ini dalam dua bulan yang lalu pun ada kelas. Kami boleh *polish* [mengasah] lagi, *Dr Rusdin Subor* sebagai pengajar nya. Saranan saya kepada artis-artis yang baru muncul jangan ingat sudah berlakon dekat *tv* [televisyen] - - berlakon ini ada roh tahu ada dalaman. Kita masuk duduk dekat set itu itu bukan saya lagi, misalnya saya berlakon sebagai pak anuar – apabila saya pakai baju itu kita kena *alert* [bersiap sedia] *imagine* [membayangkan] jalan pak anuar bagaimana tapi peanon-pelakon sekarang tak ada diorang tak belajar benda-benda macam itu jadi saranan kepada diorang pergi ke kelas, pergi belajar timba ilmu. Banyak ilmu-ilmu dalam bidang lakonan ini yang harus kita belajar *style* [gaya] lakonan *method-method* [kaedah-kaedah] kita belajar *skill-skill* [kemahiran-kemahiran] lakonan. Pergi lah belajar jangan ingat duit adalah segala-galanya untuk memajukan diri diorang tapi berlakon tak ada kesan kepada penonton. Kita tengok dekat *tv* [Televisyen] adegan dia menangis tapi kita ketawa melihat diorang menangis. Saranan kepada pelakon-

pelakon baru kalau diorang dengar yang saya cakap ini pergi lah belajar pergilah timba ilmu. Kalau tidak mahu pergi kelas tanya dekat set macam mana. Jangan datang dekat set dengan muka ketat harus belajar dan tanya.

**SK : Terima kasih dato'. Dengan ini tamatlah sesi temu bual secara lisan mengenai bidang perfileman dan penerbitan bersama Dato' Hj. Abd. Amin Bin Mohd Kasim. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh dato' dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbangkan perkembangan ilmu dalam bidang perfileman dan perniagaan pada masa akan datang. Sekian terima kasih.**

**DA : Sama-sama, assalamualaikum (lambai-lambai).**

**SK : Waalaikumussalam dato'.**

**NSA : Terima kasih dato'.**

**DA : Sama-sama.**

**TAMAT BAHAGIAN 3**

## RUJUKAN

Dato' Hj. Abd. Amin Bin Mohd Kasim. (2020, Nov 13). Wawancara Secara Atas Talian Mengenai Latar Belakang Seorang Tokoh Dalam Perfileman Dan Perniagaan. (Nor Syazwani Aida Binti Che Noor Shan, & Siti Kamaliah Binti Mohd Ghazali, Interviewers)

PENGENALAN FILEM. (n.d.). STUDENTSREPO.COM. Retrieved December 22,2021, from [http://studentsrepo.um.edu.my/5083/2/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5083/2/BAB_1.pdf)



# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Nor Syazwani Aida binti Che Noor Shan bersama Siti Kamaliah binti Mohd Ghazali menemubual Dato Hj Abd. Amin bin Mohd Kasim, yang dilahirkan pada 18 Ogos 1988, di Kg. Pandak Puteh, Kuala Kurau, Perak. Temubual dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang tokoh dalam dunia perfileman.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
5 minit 21 saat – 19 minit 21 saat	<p>Tokoh menceritakan tentang latar belakang kehidupan beliau.</p> <p>Tokoh juga menceritakan secara ringkas mengenai bagaimana beliau terlibat dalam dunia perfileman.</p> <p>Tokoh juga menceritakan kehidupan beliau semasa zaman kanak-kanak mengenai Langkah awal beliau untuk melangkah ke bidang pekerjaan.</p>	
<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN</b>		
22 minit 37 saat – 27 minit 23 saat	Tokoh menceritakan latar belakang beliau dalam dunia pendidikan.	

**BAHAGIAN 3: KERJAYA**

28 minit 31 saat – 29 minit 39 saat.	Tokoh menceritakan kerjaya beliau dalam dunia perfileman.	
29 minit 55 saat – 34 minit 12 saat.	Tokoh menceritakan kerjaya beliau dalam dunia perniagaan iaitu sebagai penebar roti canai.	
35 minit 03 saat – 38 minit 0 saat	Tokoh menceritakan tentang perbezaan dunia perniagaan dengan dunia perfileman yang diperolehi oleh beliau.	

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 am - 10 am	07 Nov 2021	<b>Instagram Persatuan Seniman</b>  Mendapatkan kaedah untuk menghubungi tokoh melalui aplikasi Instagram Persatuan Seniman dan mula menghubungi Persatuan Seniman melalui Whatsapp untuk mendapatkan maklumat terperinci.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
2.00 pm - 4.00 pm	10 Nov 2021	<b>Aplikasi Whatsapp</b>  Mula menghubungi tokoh iaitu Dato Amin Khan untuk menjelaskan kepada beliau tentang kajian dan juga untuk mendapatkan Tarikh bagi sesi temubual dijalankan.	
3.00 pm - 5.00 pm	13 November 2021	<b>Perjumpaan pertama bersama tokoh.</b>  Perjumpaan berlaku secara atas talian melalui aplikasi Google Meet, bertujuan untuk mengenali tokoh bagi dengan lebih dekat.	

# SENARAI SOALAN

DATO' HJ. ABD. AMIN BIN MOHD KASIM  
PELAKON DAN PENERBIT

## 1. LATAR BELAKANG TOKOH

### 1.1 Latar belakang peribadi

- Boleh ceritakan sedikit latar belakang dato seperti nama penuh, nama panggilan, tarikh lahir, tempat lahir.
- Di manakah negeri asal kelahiran dato?
- Di manakah dato dibesarkan?
- Berapakah usia dato pada tahun ini?
- Siapakah nama ibu dan bapa dato?
- Di manakah tempat tinggal dato sewaktu kecil dahulu?
- Siapakah nama isteri dato?
- Berapakah usia isteri dato?
- Berapakah bilangan adik-beradik dato?
- Adakah adik-beradik dato turut terlibat dalam bidang yang sama dengan dato?
- Adakah encik mempunyai anak? Berapakah orang anak-anak encik?
- Berapakah umur dan kerjaya anak-anak encik?
- Adakah anak-anak turut meminati bidang yang dato ceburi/minati?
- Apakah hobi yang diminati oleh dato selain daripada bidang ini?
- Apakah cita-cita dato sewaktu kecil selain daripada bidang ini?
- Apakah makanan dan minuman kegemaran dato?
- Siapakah idola bagi dato?
- Apakah motto hidup dato?
- Bagaimanakah dato membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?

- Bilakah dato berkeluarga?
- Adakah Dato mempunyai Facebook, Instagram untuk peminat mengikuti perkembangan Dato?
- 

## **1.2 Latar belakang Pendidikan**

Boleh dato ceritakan sedikit mengenai pendidikan dato seperti:

### **Sekolah rendah**

- Apakah nama sekolah rendah dato?
- Tahun bilakah dato memulakan persekolahan rendah?
- Tahun bilakah dato menamatkan sekolah rendah dato?
- Apakah nama peperiksaan sewaktu dato bersekolah rendah?  
Adakah dato mengambil peperiksaan Penilaian Darjah 5?

### **Sekolah menengah**

- Apakah nama sekolah menengah dato?
- Tahun bilakah dato mula melangkah ke alam sekolah menengah?
- Ketika dato di Tingkatan 3, apakah nama peperiksaan sebelum naik ke Tingkatan 4?
- Tahun bilakah dato mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?
- Apakah jurusan yang dato ambil ketika di sekolah menengah?
- Boleh ceritakan sedikit mengenai zaman sekolah menengah dato?

### **Peringkat tinggi**

- Tahun bilakah dato menyambung ke peringkat pengajian tinggi?
- Peringkat pengajian tertinggi dato ketika itu?
- Di manakah pengajian peringkat tinggi dato?
- Tahun bilakah dato menamatkan pengajian peringkat tinggi dato?
- Adakah dato aktif melibatkan diri dalam aktiviti di universiti ketika itu?
- Apakah pengalaman pahit dan manis ketika bergelar sebagai seorang pelajar?
- Apakah faktor utama yang mendorong dato untuk sambung belajar?

- Cabaran dalam perjalanan pengajian/ pengalaman yang dapat Dato dikongsikan?
- Semasa dato di peringkat pengajian tinggi, apakah jawatan yang dato sandang?

## 2. KERJAYA

### 2.1 Pengalaman pekerjaan

Sebelum:

- Apakah bidang pekerjaan yang mula-mula diceburi oleh dato selepas tamat pengajian?
- Apakah nama syarikat yang mula-mula dato bekerja?
- Berapa lamakah dato bekerja dalam bidang tersebut?
- Apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?

Semasa:

- Apakah nama perniagaan dato sekarang?
- Di manakah lokasi syarikat dato sekarang?
- Untuk perniagaan roti canai ini, dato ada menerima tempahan?
- Apakah sebab dato memilih untuk bergiat dalam bidang ini?
- Dalam sehari dato telah menjual berapa keping roti canai?
- Sudah berapa lamakah perniagaan dato sekarang?
- Bagaimanakah dato memulakan perniagaan? Adakah menggunakan modal sendiri?
- Berapakah bilangan pekerja yang bekerja di bawah syarikat dato sekarang?
- Adakah semua pekerja ini mahir dalam bidang ni?
- Selain kepakaran dalam menebar roti canai, apakah kemahiran lain yang dato dapat hasilkan?
- Adakah keluarga Datuk juga mengikuti langkah Datuk untuk berkecimpung dengan bidang drama tv ataupun perniagaan?
- Antara perniagaan dan perfileman, yang manakah dato paling mencabar?
- Menurut sumber, Dato telah memulakan semula perniagaan roti canai selepas 30 tahun, adakah ianya sebelum Dato bergiat aktif dalam bidang perfileman?

### Penglibatan aktif

- Sebelum dato menjadi pengarah drama-drama tv, Adakah dato melibatkan diri dalam apa-apa drama sebagai watak sampingan?
- Adakah terdapat perbezaan bidang pekerjaan yang diceburi dahulu dengan sekarang?
- Adakah bidang perniagaan roti canai ini mendapat hasil yang lumayan?
- Anggaran berapakah pendapatan yang diterima untuk pekerjaan yang sekarang?
- Apakah etika terpenting semasa menjalankan perniagaan dalam bidang yang diceburi?
- Bolehkah dato memberi pengenalan tentang bidang perfileman ini?

### 2.2 Mengenai penglibatan tokoh dalam bidang perfileman

- Bolehkah dato cerita serba sedikit bagaimana dato boleh melibatkan diri dalam bidang perfileman?
- Mengapa dato meminati bidang ini?
- Apakah keistimewaan bidang perfileman ini kepada dato?
- Siapakah yang mendorong dato untuk melibatkan diri dalam bidang ini?
- Berapa lamakah pengalaman dato dalam menceburi bidang ini?
- Tahun bilakah dato melibatkan diri dalam perfileman?
- Berapa lamakah masa yang diambil untuk mahir dalam bidang ini?
- Bagaimanakah perasaan encik apabila menceburi bidang ini?
- Adakah dato mempunyai idola yang menjadi inspirasi bagi dato dalam menghasilkan drama-drama tv?
- Bagaimana dato memotivasikan diri untuk meneruskan bidang ini?
- Bagaimana dato menyeimbangkan kehidupan berkeluarga dengan bidang yang diceburi?
- Apakah cabaran yang dihadapi oleh dato masa mula-mula memulakan kerjaya sebagai pelakon?
- Pada pendapat dato, apa persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang ini?
- Apakah drama pertama yang Dato mula dalam kerjaya sebagai pelakon?

Bagaimanakah Dato bergiat aktif dalam bidang drama tanah air sehingga mampu sampai



### 2.3 Mengenai penglibatan tokoh dalam bidang perniagaan

- Dalam bidang perniagaan sebagai penebar roti canai, sudah berapa tahun dato menceburi bidang ini?
- Bagaimanakah dato mempunyai kemahiran dalam menjadi penebat roti canai?
- Adakah minat dato dalam bidang perniagaan ini mampu memberikan keuntungan yang lumayan walaupun sudah bergiat aktif dalam bidang drama tv?
- Mengapa dato meminati perniagaan ini?
- Dari manakah dato belajar untuk menjadi penebar roti canai?
- Apakah reaksi masyarakat apabila dato menceburi bidang perniagaan dari bidang perfileman?
- Adakah kemahiran Dato dalam menebar roti canai ini merupakan hasil turun temurun dalam keluarga Dato?
- Apakah rahsia Dato sehingga ada peminat datang dari jauh untuk merasai roti canai Dato?
- Berapakah harga sekeping roti canai yang Dato jual?

### 2.4 Pencapaian / penganugerahan dan sumbangan

- Bolehlah dato ceritakan pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang menceburi perfileman ini?
- Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai semasa menceburi bidang yang diusahakan oleh dato?
- Menurut dato, apakah anugerah yang paling bermakna yang telah dikecapi?
- Apakah pencapaian yang ingin dato kecapai?
- Boleh dato ceritakan perasaan ketika dipilih untuk memegang anugerah itu?
- Berapa banyak anugerah yang dato raih sehingga kini?
- Apakah anugerah tertinggi yang dato perolehi dalam bidang perfileman?

### 2.5 Pendapat / nasihat / pandangan

- Adakah bidang perniagaan yang diusahakan ini mendapat perhatian daripada pihak media sosial seperti surat khabar, majalah ataupun stesen televisyen?
- Apakah pandangan dato mengenai bidang perniagaan yang diceburi ini, adakah patut dikekalkan sehingga ke generasi seterusnya?

- Pada pandangan dato sebagai tokoh dalam bidang perfileman, mengapa pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini?
- Apakah pesanan dato kepada generasi muda berkaitan bidang perniagaan ini terutama yang ingin menceburi bidang ini?
- Apakah harapan dato untuk generasi muda lebih menceburi bidang perniagaan ini?
- Boleh saya tahu apakah perancangan dato pada masa hadapan dalam bidang ini?



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya DATO' HJ. ABDUL AMIN BIN MOHD. KASIM - K/P: ..... pada 06hb. Jan, 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama Peserta Kajian:  
DATO' HJ. ABDUL AMIN BIN MOHD. KASIM  
Tarikh: 06hb. Jan, 2022

Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik  
b.p. Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA.

## GAMBAR



**BERSAMA DATO' HJ. ABD. AMIN BIN MOHD KASIM SECARA ONLINE GOOGLE MEET.**

# INDEKS

## D

Drama, 3, 4, 5, 6, 8

## F

Filem, 2, 9, 16

## I

Intensif, 4

## L

Lower Certificate Education (LCE), 11, 12, 13

## M

Malaysian Certificate Education (MCE), 11

## P

Pyramid Home Video, 14

## R

Rakaman, 2,

Roti canai, 14, 15, 16, 17

## S

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 11, 12, 13

SA Production, 25